



MAJLIS PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN FELO KENEGARAAN AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, 5 Mac 2026 – Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Majlis Penyerahan Surat Pelantikan Felo Kenegaraan yang disempurnakan oleh YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sabah dan Sarawak). Majlis tersebut diadakan bersempena Mesyuarat Penyelarasan Program Felo Kenegaraan AKM Tahun 2026, bertempat di Hotel Zenith, Putrajaya.

Dalam ucapannya, YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud menekankan peranan penting Akademi Kenegaraan Malaysia dalam memastikan kestabilan negara sentiasa terpelihara meskipun masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum dan agama. Beliau turut mencadangkan agar modul latihan AKM memasukkan elemen penerangan berkaitan Perjanjian Malaysia 1963, bagi meningkatkan kefahaman rakyat terhadap semangat persekutuan yang menjadi asas pembentukan Malaysia sejak tahun 1963.

Penubuhan Felo Kenegaraan AKM, yang diterajui oleh YB Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman, menghimpunkan individu-individu yang memiliki kepakaran dan pengalaman luas dalam pelbagai bidang, khususnya berkaitan dengan aspek kenegaraan. Mereka berperanan sebagai pakar rujuk kepada AKM dalam pembangunan modul dan kurikulum latihan, penerbitan buku serta pelaksanaan pelbagai inisiatif keilmuan yang lain.

Sebagai agensi pusat yang bertanggungjawab melaksanakan dan menyelaras latihan kenegaraan serta kepimpinan di seluruh negara, Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) yang dipimpin oleh YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Hussin, terus memperkasa usaha memupuk semangat patriotisme, disiplin dan integriti dalam kalangan rakyat melalui pendekatan latihan yang lebih tersusun, sistematik dan berfokus.

Dalam pertemuan tersebut, para Felo Kenegaraan AKM turut berkongsi pandangan, idea serta hala tuju strategik bagi memastikan pelaksanaan program-program AKM kekal relevan dan berimpak tinggi selaras dengan perubahan semasa. Perkongsian ini juga menekankan kepentingan pelaksanaan program secara menyeluruh berpandukan kerangka Malaysia MADANI, khususnya dalam memperkukuh pembangunan negara serta kesejahteraan masyarakat.

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
5 MAC 2026
